

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(V)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

12. Asia Pacific Master Games 2018 akan dianjurkan di Pulau Pinang.
- (a) Sila nyatakan dengan terperinci peranan Kerajaan Negeri, Majlis Sukan Negeri, Jabatan Belia dan Sukan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Urusetia APMG'18
 - (b) Adakah sasaran penyertaan atlet dari negara luar tercapai?
 - (c) Berapakah jumlah penyertaan tempatan yang telah diterima?

**YB. CHONG ENG
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. (a) Peranan-peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri, Majlis Sukan Negeri, Jabatan Belia dan Sukan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Urusetia Asia Pacific Masters Games (AMPG) Penang 2018 dalam kejohanan APMG Penang 2018 adalah seperti berikut:

Kerajaan Negeri

- (i) Memastikan Penganjuran Kejohanan APMG Penang 2018 mencapai sasaran yang ditetapkan;

- (ii) Memastikan semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi kerjasama bagi menjayakan kejohanan bertaraf antarabangsa ini;
- (iii) Melaporkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) secara berkala berkenaan dengan status terkini penganjuran APMG Penang 2018;
- (iv) Memantau prestasi perbelanjaan Syarikat APMG Sdn. Bhd; dan
- (v) Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Induk APMG Penang 2018.

Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP)

- (i) Menjadi penyelaras di antara Persatuan Sukan Negeri dengan pihak penganjur APMG2018;
- (ii) Membantu urusetia APMG Penang 2018 dari segi tempat pertandingan; dan
- (iii) Menempatkan tujuh (7) orang pegawai MSN untuk membantu pihak sekretariat APMG.

Jabatan Belia dan Sukan

- (i) Sebagai Agensi Angkat bagi acara Pencak Silat, Taekwondo dan Wushu; dan
- (ii) Menguruskan pengangkutan untuk pegawai-pegawai acara semasa Kejohanan APMG Penang 2018 bagi acara Pencak Silat, Taekwondo dan Wushu.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)

- (i) Menyelaras Larian Obor APMG Penang 2018 bersama MALA (Persatuan PBT Malaysia) yang akan dibawa sejauh 3,908 km selama 99 hari di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak;
- (ii) Memastikan semua tempat pertandingan yang melibatkan premis MBPP berada dalam keadaan baik dan mengikut spesifikasi *Olympic Council of Malaysia (OCM)*, *International Masters Games Association (IMGGA)* dan Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan dan Negeri.;
- (iii) Memastikan kawasan pulau berada dalam keadaan bersih dan selamat semasa Penganjuran Kejohanan APMG Penang 2018;
- (iv) Merancang dan menyelaras Majlis Perasmian dan Penutup Kejohanan APMG Penang 2018; dan
- (v) Menyediakan kaunter pendaftaran di tingkat 3, KOMTAR bagi memudahkan pendaftaran peserta di Seberang Perai.

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)

- (i) Memastikan semua tempat pertandingan yang melibatkan premis MPSP berada dalam keadaan baik;
- (ii) Memastikan kawasan seberang berada dalam keadaan bersih dan selamat semasa Penganjuran Kejohanan APMG Penang 2018.
- (iii) Menyediakan kaunter pendaftaran di Menara MPSP bagi memudahkan pendaftaran peserta di Seberang Perai.

Urusetia APMG Penang 2018

- (i) Mengurus dan mentadbir hal-hal pentadbiran dan organisasi APMG Penang 2018;
 - (ii) Mengurus sistem pendaftaran secara *online* dan manual;
 - (iii) Memantau dan sentiasa mengemaskini laman web rasmi APMG Penang 2018;
 - (iv) Memberi maklumbalas kepada pertanyaan dan aduan;
 - (v) Memastikan semua tempat pertandingan dan peralatan sukan berada dalam keadaan baik;
 - (vi) Mengurus proses akreditasi peserta dan pegawai-pegawai yang mengambil bahagian;
 - (vii) Merancang dan menjalankan publisiti melalui media massa, media cetak dan juga media sosial.
 - (viii) Merancang dan menyelaras jemputan, sidang media dan majlis- majlis rasmi yang berkaitan dengan APMG Penang 2018 seperti Majlis Perasmian Laman Web, Majlis Perasmian Maskot APMG Penang 2018 dan Majlis-majlis Penyerahan Obor APMG Penang 2018.
 - (ix) Mencari penaja-penaja dan agensi-agensi angkat untuk Kejohanan APMG Penang 2018; dan
 - (x) Merancang dan menjalankan aktiviti pemasaran dan promosi di kejohanan-kejohanan sukan dalam dan luar negara.
- (b) Sasaran penyertaan luar negara bagi APMG Penang 2018 adalah sebanyak 3,000 orang iaitu 60% daripada jumlah keseluruhan sasaran peserta iaitu 5,000 orang. Sehingga 18 Julai, 1,480 peserta luar negara melibatkan 56 buah negara telah mendaftar untuk APMG Penang 2018. Sasaran penyertaan dari luar negara masih belum dicapai

memandangkan tarikh tutup penyertaan telahpun dilanjutkan kepada 7 Ogos 2018 daripada tarikh tutup asal iaitu pada 7 Julai 2018.

- (c) Sehingga 18 Julai 2018, seramai 1,282 peserta daripada Malaysia telah mendaftar untuk APMG Penang 2018.